



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEFAHAMAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB PROFESION
PERGURUAN DAN PENGAMALAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM
KALANGAN PENDIDIK MUSLIM DI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH
HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

NURLINA BINTI MOHD PUAD

FEM 2020 11



**KEFAHAMAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB PROFESION
PERGURUAN DAN PENGAMALAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM
KALANGAN PENDIDIK MUSLIM DI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH
HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**



**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Disember 2019

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KEFAHAMAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB PROFESION
PERGURUAN DAN PENGAMALAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM
KALANGAN PENDIDIK MUSLIM DI SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

NURLINA BT MOHD PUAD

Disember 2019

Pengerusi : Profesor Madya Mohd Daud B. Awang, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Guru merupakan satu ejen yang penting kepada keberkesanan pendidikan sekaligus pemangkin kepada pembangunan tamadun manusia, masyarakat dan negara. Guru yang berkualiti bakal melahirkan insan yang berkualiti. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman pendidik Muslim terhadap tanggungjawab profesion perguruan dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran sekolah rendah di Daerah Hulu Langat, Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pengedaran borang soal selidik kepada 334 pendidik muslim di lima buah sekolah rendah yang dipilih di Daerah Hulu Langat. Perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS 20.0) telah digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Dalam kajian ini didapati bahawa tahap kefahaman pendidik muslim dari aspek pengetahuan dalam menjalankan tugas hakiki adalah tinggi dan baik di mana pendidik itu sendiri memahami akan tanggungjawab yang di beri serta melaksanakannya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Manakala dari aspek pengamalan nilai-nilai Islam menunjukkan bahawa pendidik muslim mengamalkan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran dengan hasil analisis adalah tinggi iaitu 95.8%. Analisis terperinci terhadap hubungan antara kefahaman berkenaan tanggungjawab profesion perguruan dan juga pengamalan nilai-nilai Islam menunjukkan bahawa terdapat hubungan diantara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hasil analisis ANOVA juga telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara pengalaman bekerja dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP. Dapatkan menarik ini menunjukkan bahawa pendidik muslim yang mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap tanggungjawab profesion perguruan sekaligus akan mengamalkan nilai-nilai Islam yang tinggi dalam PdP. Ini kerana dalam tanggungjawab profesion perguruan juga telah menggariskan nilai-nilai Islam sebagai panduan dan amalan para pendidik berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM) dalam melahirkan guru yang

berkualiti serta berakhhlak mulia. Kesimpulan, pendidik muslim haruslah memainkan peranan yang penting dalam profesion perguruan agar setiap ilmu yang diturunkan dan akhlak baik yang dipamerkan menjadi satu simbol seorang pendidik muslim yang sejati.

Kata kunci : Pendidik, Profesión perguruan, Nilai-nilai Islam



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**LEVEL OF UNDERSTANDING OVER RESPONSIBILITIES IN TEACHING
PROFESSION AND IMPLEMENTATION OF ISLAMIC VALUES WITHIN
MUSLIM TEACHERS AT ELEMENTARY SCHOOLS AROUND DISTRICT
OF HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

By

NURLINA BT MOHD PUAD

December 2019

Chairman : Associate Professor Mohd Daud B. Awang, PhD
Faculty : Human Ecology

Teachers are a significant factor in the effectiveness of education as well as a catalyst for human, community and national development. A good teacher will produce great people in the future. Hence, the purposes of this research are to identify level of understanding of Muslim teachers over responsibilities in teaching profession and implementation of Islamic values in primary schools around District of Hulu Langat. The research methodology is quantitative methodology by giving out questionnaires to 334 Muslim teachers consisted of from five primary schools around Hulu Langat District. A Statistical Packages for Social Science (SPSS) was used to analyze the data obtained from the questionnaires. Thru the analysis, it is found that the understanding and knowledge of Muslim teachers in carrying out their essential duties is significantly high whereby they understand that the responsibility entrusted to them and carry it out with integrity during teaching and learning session. Meanwhile, in practicing Islamic values the research shows that Muslim teachers are practicing Islamic values in their teaching and learning sessions is high with the percentage is at 95.8%. A detailed analysis of the relationship between the understanding of the responsibility of the teaching profession with the practice of Islamic values shows that there is a relationship between these two variables. The ANOVA analysis result also shows that there are no significant differences between the working experience and practicing of Islamic values in teaching and learning sessions. The result shows that the Muslim teachers posses a high understanding over their responsibilities in teaching profession hence practicing high Islamic values during teaching and learning sessions. This is because the teaching profession has also outlined the Islamic values as guide and practice based on *Indikator Standard Guru Malaysia* (SGM) in producing a quality and good teachers. Hence it can be concluded that the Muslim teachers should play an important role in this profession

as spreading the knowledge and portraying of good moral becomes a symbol of true Muslim teachers.

Keywords : Teacher, Teaching profession, Islamic value



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.
Segala Puji Atas Limpah dan Kurnia Allah S.W.T Tuhan Seluruh Alam.
Selawat dan Salam Ke Atas Junjungan Nabi Muhammad SAW.

Buat Pensyarah yang disanjungi, terutama buat Dr. Mohd Daud Bin Awang dan Dr Hj Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff , segala ilmu yang dicurahkan akan anak didikmu gunakan dan manfaatkan ke jalan yang di berkati olehNya. Semoga perjuangan murni kalian sentiasa mendapat keberkatan dan keredhaan Allah S.W.T. Terima kasih atas segala-galanya.

Sesungguhnya Tesis ini didedikasikan khusus buat Suami yang tercinta Mohd Reszuandy Bin Jantan@Md Rais. Jutaan terima kasih kerana tidak putus doa dan harapan serta sentiasa menyokong dari segi emosi, fizikal dan juga wang ringgit. Sesungguhnya dengan lengkapnya tesis ini, ianya dapat memberi senyuman dan kebanggaan kepada dirimu dan juga kepada anak-anak yang tercinta.

Buat Ayahandaku Mohd Puad Bin Md Lip dan Arwah Bondaku Allahyarham Ragaa Abdel Fattah Ayoub yang tercinta. Tiada yang dapat dibicarakan, hanya berharap doamu dapat mengiringi setiap langkah perjalanan hidup yang dilalui oleh anakandamu ini. Dan kini, harapanmu untuk melihat anakandamu ini berjaya telah ku tunaikan. Terima kasih atas segala doa dan harapan yang telah dititipkan di setiap bait doa mu dan hanya ALLAH SWT sahaja yang dapat membala segala susah senang Ayahanda dan Bonda dalam mendidik ku menjadi seorang insan yang berguna.

Akhir sekali saya abadikan ucapan penghargaan ini khas buat ahli keluarga yang disayangi yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan terutamanya Haajar bt Mohd Puad. Terima kasih yang tidak terhingga kerana banyak membantu kakakmu ini hingga berjaya. Hanya Allah yang dapat membala budi dan jasa baik kalian semua. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberi bantuan dan pandangan dalam menyiapkan tesis ini.

Sekian, Wassalam.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Mohd Daud Bin Awang, PhD

Profesor Madya

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hj Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff, Ph D

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nurlina binti Mohd Puad, GS 36399

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Mohd Daud Bin Awang

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan:

Dr. Hj Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka surat
<i>ABSTRACT</i>	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
	xiv

BAB					
1	PENGENALAN				1
1.1	Pendahuluan				1
1.2	Latar Belakang Kajian				3
1.3	Penyataan Masalah				4
1.4	Objektif Kajian				6
1.5	Persoalan Kajian				7
1.6	Hipotesis Kajian				7
1.7	Kepentingan Kajian				8
1.8	Definisi Istilah				8
1.8.1	Kefahaman Terhadap Tanggungjawab Perguruan.			Profesion	8
1.8.2	Tanggungjawab Pendidik Muslim				8
1.8.3	Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran				9
1.8.4	Istilah nilai-nilai Islam dalam pendidikan				9
1.8.5	Sekolah Rendah Kebangsaan				10
1.9	Kerangka Konseptual				10
1.10	Limitasi Kajian				11
1.11	Skop Dan Batasan Kajian				11
1.12	Rumusan				12
2	KAJIAN LITERATUR				13
2.1	Pengenalan				13
2.2	Pendidik				13
2.2.1	Tanggungjawab Pendidik				15
2.2.2	Jenis-Jenis Tanggungjawab Pendidik				18
2.2.3	Nilai-nilai Islam Dalam Pendidikan				19
2.2.4	Kompetensi Pendidik				20
2.3	Pengajaran dan Pembelajaran				21
2.3.1	Kaedah Pembelajaran				22
2.4	Rumusan				24


3 METODOLOGI KAJIAN	25
3.1 Pendahuluan	25
3.2 Rekabentuk Kajian	25
3.3 Lokasi Kajian	25
3.4 Populasi Kajian	26
3.5 Sampel Kajian	26
3.6 Instrumen Kajian	26
3.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Kajian	27
3.7.1 Kesahan Kajian	27
3.7.2 Kebolehpercayaan Kajian	27
3.7.3 Taburan Normal	28
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	29
3.9 Analisa Data	29
3.9.1 Analisis Statistik Deskriptif	30
3.9.2 Analisis Korelasi Pearson	30
3.9.3 Analisis Varians Sehala (ANOVA Sehala)	31
3.10 RUMUSAN	31
4 DAPATAN KAJIAN	32
4.1 Pengenalan	32
4.2 Profil Demografi Respondan	33
4.3 Analisis Deskriptif	35
4.3.1 Tahap Kefahaman Terhadap Tanggungjawab Profesional Perguruan Di Dalam PdP Oleh Pendidik Muslim	35
4.3.2 Tanggungjawab Pendidik Muslim Dalam Pengamalan nilai-nilai Islam (Menurut Pandangan Imam Al Ghazali) di dalam PdP	38
4.4 Hubungan antara kefahaman berkenaan tanggungjawab profesion perguruan dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP di kalangan pendidik muslim di sekolah rendah Daerah Hulu Langat, selangor.	41
4.5 Perbezaan antara pengalaman mengajar dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP di kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat, Selangor	42
4.6 Rumusan	43
5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	44
5.1 Pengenalan	44
5.2 Rumusan Kajian	44
5.3 Implikasi Kajian	46
5.4 Cadangan dan Penyelidikan Masa Akan Datang	46
5.5 Rumusan	47
RUJUKAN	48
LAMPIRAN	53
BIODATA PELAJAR	60
SENARAI PENERBITAN	61

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Ujian Kebolehpercayaan	28
3.2 Nilai Skewness dan Kurtosis	28
3.3 Persoalan kajian dan analisis statistic	30
4.1 Profil Demografi Responden (n=334)	34
4.2 Tahap Kefahaman Responden Terhadap Tanggungjawab Profesional Perguruan dalam PdP	36
4.3 Deskriptif tahap kefahaman berkenaan tanggungjawab profesion perguruan dalam PdP dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat	37
4.4 Tanggungjawab Pendidik Muslim Dalam Pengamalan Nilai-Nilai Islam Dalam PdP (Menurut Pandangan Imam Al Ghazali).	39
4.5 Deskriptif tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP di kalangan pendidik muslim di Sekolah Rendah di Daerah Hulu Langat, Selangor	40
4.6 Hubungan antara kefahaman tanggungjawab profesion perguruan dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP di kalangan pendidik muslim di Sekolah Rendah di Daerah Hulu Langat	41
4.7 Min dan sisihan piawai perbezaan antara pengalaman mengajar dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP di kalangan pendidik muslim di Sekolah Rendah di Daerah Hulu Langat	42
4.8 Perbezaan antara pengalaman mengajar dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP di kalangan pendidik muslim di Sekolah Rendah di Daerah Hulu Langat	43

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual	10
2.1 Konsep Pengajaran & Pembelajaran	22



SENARAI SINGKATAN

PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Keseluruhan
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
PBL	Pembelajaran Berdasarkan Masalah
SPSS	Statistical Package For The Social Sciences
ANOVA	Analysis of Variance
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
SGM	Standard Guru Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman terhadap tanggungjawab profesion perguruan dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kalangan pendidik muslim Sekolah Rendah di Daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia. Dalam bab 1 ini akan membincangkan aspek yang berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual dan juga kesimpulan.

Guru merupakan satu profession yang sangat mulia kerana dari seorang guru itulah datangnya ilmu-ilmu yang kita perlukan dalam kehidupan seharian dengan izin Allah S.W.T ke atas hambanya (Ee Ah Meng, 1996). Guru merupakan insan terpilih yang dipilih oleh Allah S.W.T yang memiliki tanggungjawab untuk mendidik generasi pada masa kini dan akan datang. Sebagai guru, kehadiran setiap murid ke sekolah adalah satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Guru juga merupakan satu golongan yang memberi kesan yang besar dalam mengembangkan potensi individu dari segi aspek jasmani, emosi dan rohani. Tugas guru bukan sahaja mengajar dan mendidik tetapi juga sebagai mualim, muaddib dan murabbi. Tanggungjawab yang berat ini memerlukan guru itu mengetahui ilmu dan cara melaksanakannya. Maka dengan itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menekankan pendekatan pendidikan secara bersepadan untuk membangunkan potensi insan secara holistik. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) juga mempunyai matlamat yang selari dengan matlamat Pendidikan akhlak Islam dimana ia bukan sahaja untuk melahirkan insan yang baik malah mempunyai sahsiah yang seimbang dan sepadu serta mematuhi prinsip-prinsip Rukun Negara. Insan yang baik adalah insan yang insaf sepenuhnya dan menunaikan tanggungjawab seperti yang diamanahkan oleh Allah S.W.T (Al-Attas, 2005).

Pendidik yang berkualiti adalah pendidik yang sering menguasai dan menambahkan lagi pengetahuan secara berterusan agar dapat memantapkan lagi proses pendidikan bagi melahirkan pelajar -pelajar yang berkualiti seperti mana yang dihasratkan dalam FPK. Ini kerana hanya dengan ilmu maka akan lahirlah insan yang berakhlik mulia dan menyumbang kepada proses pembangunan negara kearah yang lebih berkualiti dan mampan. Firman Allah S.W.T dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Apakah kamu hai orang musryik lebih beruntung ataukah orang yang beribadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhan? Katakanlah: “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan

orang-orang yang tidak mengetahui?" sesungguhnya orang yang berakallah yang menerima pelajaran"

(Surah Az Zumar, 39:9)

Menurut Mohd Kamal Hassan (1988), menjelaskan guru yang mempunyai teladan atau perwatakan yang baik banyak membantu pembentukan akhlak pelajar. Guru seharusnya terlebih dahulu dilengkapi ciri-ciri keperibadian akhlak yang mulia. Ilmu dan amal itu juga haruslah berlandaskan kepada syariat Islam di mana dengan agama maka dapat membentuk dan mendidik anak murid ke arah kebaikan. Melalui takrifan ini, kajian ini akan memfokuskan pengajaran dan pembelajaran guru di dalam kelas. Kajian yang lebih mendalam lagi adalah untuk melihat sikap dan peribadi seorang guru mengikut perspektif Islam dalam mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam diri guru tersebut agar dapat membentuk sahsiah diri dan peribadi mulia setiap guru.

Guru yang berkualiti adalah guru yang dapat menghasilkan insan yang baik dari pelbagai aspek. Perdana Menteri Malaysia yang ke Enam, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam kenyataannya menyatakan:

"Guru berkualiti ialah seorang guru yang sentiasa berkualiti pada masa ini dan masa depan dan untuk menjamin sistem pendidikan kekal berkualiti, guru perlu sentiasa relevan dengan cabaran semasa dan akan datang. Ini satu kemestian jika guru hendak berjaya dan mencapai hasrat Wawasan 2020. Jika guru itu berkualiti maka pelajar akan menjadi insan yang kamil dan cemerlang. Guru yang baik adalah guru yang sentiasa mahu mempertingkatkan diri dan akan melihat di mana diri mereka dalam sistem pendidikan"

(Utusan Malaysia, 14 Mei 2009)

Sidek Baba (2009), menghuraikan bahawa anak-anak adalah pelaburan besar yang bakal menjadi modal insan negara. Maka, didiklah anak-anak seawal usia mereka dengan penuh rasa tawaduk dan mengharap redha dari Nya. Guru-guru mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik anak bangsa bukan sahaja dengan menyalurkan ilmu duniawi tetapi haruslah mendidik mereka kearah pembentukan sahsiah dan peribadi yang mulia supaya seimbang dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun usaha mendidik dan membangunkan anak bangsa tidak semudah yang disangkakan. Usaha, doa dan tawakal haruslah seiring dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan seorang pendidik tersebut (Nata dan Abudin 2012; Ramayulis dan Samsul Nizar 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam era globalisasi, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar. Golongan guru hendaklah sentiasa memastikan martabat perguruan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa agar sentiasa dihormati dan dipandang tinggi oleh setiap pihak seterusnya dapat merealisasikan Misi Nasional seperti yang digariskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ‘profesion’ bermaksud pekerjaan terutamanya yang memerlukan pelajaran yang tinggi dan latihan yang khas misalnya dalam bidang undang-undang, perubatan, perakaunan dan lain-lain. Manakala ‘perguruan’ pula membawa maksud hal-hal yang berkaitan dengan ilmu menjadi guru atau tugas dan tanggungjawab kerjaya sebagai guru. Dari kedua-dua pengertian tersebut, ia memberi makna bahawa profesion perguruan mempunyai satu tanggungjawab yang harus dilaksanakan di mana kejayaan dan kegagalan seorang guru itu akan dinilai dan lihat oleh murid-murid dan juga masyarakat di sekelilingnya. (Zawawi Ahmad. 1984; Uno, Hamza B. 2011; Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah 2012).

Menurut Yusuf Al-Qaradhawi (2002), bahawa Islam memandang tinggi profesion perguruan. Guru adalah merupakan satu ejen yang penting kepada keberkesan pendidikan sekaligus pemangkin kepada pembangunan tamadun manusia, masyarakat dan negara. Profesion perguruan merupakan profesion paling utama yang memiliki tanggungjawab tinggi dalam proses penyerapan ilmu pengetahuan kepada setiap individu dan masyarakat.

Menurut Mujib Abdul dan Jusuf Mudzakkir (2010), guru perlu mempunyai etika yang cemerlang agar dapat diaplikasikan dan diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sifat dan ciri seorang guru muslim hendaklah memiliki motivasi yang tinggi dan mental yang bercirikan kecerdasan, sifat kejiwaan yang tenang dan emosi yang mantap serta sifat fizikal seperti sihat tubuh badan dan terhindar dari penyakit berjangkit atau tidak berjangkit. Ciri-ciri ini amat penting dalam melahirkan pendidik yang dapat melaksanakan tugasnya dengan cemerlang serta boleh berfikir dengan waras dan boleh menyesuaikan diri dalam kelompok masyarakat sebagaimana peranan pendidik itu sendiri yang berhubung terus serta dikenali oleh masyarakat di sekelilingnya (Mohd Yusof Ahmad 2002; Zakaria Stapa 2012).

Dalam sebuah kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) (2009), didapati 70 peratus daripada 9,000 guru di seluruh negara mengalami tekanan bukan sahaja kerana tanggungjawab tugas guru tetapi juga tertekan kerana arahan yang pelbagai dari pihak pengetua, kerja-kerja pengkeranian dan proses data yang terlalu banyak, aduan yang pelbagai dari ibu bapa dan juga dalam melayan karenah pelajar memberi impak kepada motivasi guru untuk berada pada tahap maksima. Ini juga sekaligus memberi impak terhadap pembangunan sahsiah dan peribadi murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidik yang memiliki motivasi yang tinggi akan mudah membina

intelek dan pencapaian cemerlang murid. Ditambah pula, Ibu bapa amat mengharapkan guru dapat meningkatkan sahsiah dan peribadi murid ke arah lebih cemerlang dan ianya bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Pembinaan sahsiah diri yang tinggi akan menjadi mudah jika guru menjalankan tugasnya dengan penuh motivasi, amanah dan tanggungjawab yang di galas dijadikan sebagai satu ibadah untuk membangunkan insan yang cemerlang (Syed Ismail, Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon 2013).

Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran juga memerlukan guru yang memiliki tanggungjawab secara telus dan ikhlas dalam mendidik murid. Namun, menurut Norashid & Hamzah (2014), guru besar di sekolah memberikan tanggungjawab tambahan terhadap pendidik terutama beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik seperti pengurusan hal ehwal pelajar, pengurusan pentadbir dan pengurusan kurikulum. Hal ini, menjadikan seseorang pendidik itu semakin tertekan dan rendah motivasi untuk melakukan tanggungjawabnya sebagai guru di sekolah (Muhamimin 2011; Mok Soon Sang 2013).

1.3 Penyataan Masalah

Dalam era pembangunan yang pesat pada masa kini dan juga penggunaan teknologi yang canggih menjadikan profesion perguruan menjadi semakin mencabar. Kenyataan ini sesuai menurut Faizah Majid (2011), bahawa guru terlalu dibebankan dengan pelbagai tugas yang mendatang sehingga tugas hakiki seorang guru iaitu mengajar di dalam kelas terganggu. Masalah ini sering dihadapi dan dirasai oleh semua guru pada masa kini sehingga ia boleh mengganggu tahap kualiti dan kecemerlangan guru dalam pengajaran. Tanggungjawab yang berat ini kadang-kala dilihat sebagai suatu masalah di mana guru dengan tidak sengaja terabaikan pembentukan sahsiah diri dan peribadi guru dalam kelas kerana terlalu mengejar silibus pelajaran yang perlu dihabiskan sebelum peperiksaan akhir tahun. Ada juga diantara yang terpaksa mengabaikan murid-murid yang bermasalah kerana tidak mempunyai waktu untuk berkongsi masalah dan mereka terus dirujuk kepada guru kaunseling sekolah. Namun adakah bebanan tugas ini menjadi alasan kepada guru dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan seorang guru itu dimana sebagai pendidik mereka haruslah bertanggungjawab dengan amanah yang diberi (Alyas Mohamad 2006; Muhamimin 2010).

Menurut Nur Hafizah Idris, Rohana Hamzah (2012) mendapati bahawa tahap amalan profesionalisme keguruan berteraskan Standard Guru Malaysia (SGM) terhadap tiga elemen domain diri iaitu kepercayaan kepada tuhan, kepimpinan dan kemahiran interpersonal dan intrapersonal terhadap bakal guru menunjukkan bahawa penerapan kesedaran dan keyakinan terhadap kewujudan tuhan adalah nilai tertinggi yang menjadi prasyarat untuk melahirkan insan yang berakhhlak mulia berada pada tahap sederhana. Menurut Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2002) konsep ibadah dalam profesion perguruan semakin hilang. Kebanyakan guru mengabaikan konsep ibadat dalam mendidik tapi lebih kepada kenaikan pangkat, kekayaan dan kemegahan dalam kerjaya mereka sehingga terlupa dan keliru bahawa tugas mendidik juga

merupakan satu ibadah. Fenomena ini juga akan menjadi salah satu faktor yang akan menyebabkan martabat guru dipandang rendah oleh masyarakat. Oleh itu terdapat keperluan untuk mengukur tahap kefahaman guru terhadap profesion perguruan dan juga pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin dan Suziana Hannini Sulaiman (Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berpendapat guru pelatih gagal menekankan nilai dalam Falsafah Pendidikan kepada pelajar sebenarnya bermula dari fasa latihan perguruan itu sendiri di mana guru pelatih diinstitusi latihan guru kebanyakannya gagal memahami dan menghayati nilai dalam Falsafah Pendidikan yang dipelajari. Ini dapat dibuktikan dalam penilaian penyeliaan praktikum yang dijalankan di Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) (Jawatankuasa Praktikum, 2016) di mana kebanyakan guru-guru pelatih bukan sahaja tidak menekankan nilai-nilai Falsafah Pendidikan dalam pengajaran malah mengalami kesukaran menghayati elemen dalam nilai Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Norashid & Hamzah (2014) menjelaskan bahawa tanggungjawab pendidik bukan hanya mengajar di dalam kelas bahkan pendidik juga dibebani dengan tugas dalam melaksanakan aktiviti kurikulum di sekolah masing-masing. Abdul Malik (2000), menyatakan bahawa bebanan tugas yang berat, tidak menyempurnakan tugas, dimarahi oleh majikan akan menyebabkan seseorang itu mendapat “*stress*”. Ketegangan yang berpanjangan boleh mempengaruhi psikologi seseorang seperti hilang keyakinan, cepat meradang, agresif, fikiran menjadi berstruktur dan hilang daya konsentrasi. Ini juga akan menyebabkan pendidik itu kurang bersemangat serta tidak bermotivasi dalam menjalankan tanggungjawabnya (Abdull Sukor, Rahim Romlee dan Mohamad Yazi 2006; Sidek Baba 2009).

Menurut Lokman, Mohd Anuar, Yassin dan Phoon Ai Ling (2010), tanggungjawab guru memiliki hubung kait terhadap motivasi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana apabila tanggungjawab bertambah maka menjadikan motivasi pendidik dalam menyampaikan ilmu itu menjadi kurang. Selain itu, tugas seorang pendidik juga menjadi rumit disebabkan beban tugas yang berat, kekurangan peralatan, kekurangan persiapan mengajar kerana kursus yang diikuti tidak mencukupi, saiz kelas yang besar dan kerja-kerja pengkeranian yang dibuat. Kerja-kerja pengkeranian ini akan mendatangkan keletihan kepada guru dan boleh mengurangkan masa mengajar guru di dalam kelas serta membuatkan fikiran guru tidak tenteram kerana masanya sentiasa terganggu.

Selain itu, Ramayulis (2011), menyatakan bahawa guru sepatutnya menetapkan masa bekerja mereka selama 50 jam sahaja dalam seminggu walaupun masa itu memang tidak cukup untuk menyelesaikan kesemua tugasan mereka. Guru sepatutnya tidak dibebani dengan tugas berkaitan sekolah pada sebelah petang dan hujung minggu kerana guru juga memerlukan masa untuk keluarga dan keperluan peribadi yang lain, namun keadaan ini masih berterusan sehingga kini. Menurut kajian dari Butt dan

Lance (2005) mendapati 96% guru bekerja pada waktu petang dan 90% guru bekerja pada hujung minggu. Kajian ini sama dengan kajian yang dilakukan oleh Gunter *et al.* (2005) juga mendapati 95% guru bekerja pada waktu petang selepas waktu persekolahan dan hujung minggu. Hal ini menjadikan guru-guru kurang memiliki tanggungjawab di sekolah dan mempengaruhi terhadap motivasi guru dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Nelms 1993; Liew Siew Fong 2004; Nadzari Bahrom 2012).

Di samping itu juga, menurut Assegaf dan Abd. Ranchman (2011), tahap tanggungjawab dan motivasi pendidik dapat di pengaruhi oleh faktor demografi iaitu pengalaman mengajar dan tahap pendidikan pendidik. Hasil kajian didapati bahawa pengalaman mengajar yang lebih lama memiliki tahap tanggungjawab yang tinggi namun memiliki motivasi yang rendah. Begitu juga, tahap pendidikan penerima Ijazah memiliki tahap motivasi yang tinggi namun tanggungjawabnya pula berada di tahap yang rendah. Ditambah pula kajian Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin (2012), menghuraikan bahawa umur yang lebih tua memiliki tanggungjawab yang lebih tinggi berbanding umur yang masih muda. Selain itu, faktor jantina juga mempengaruhi tanggungjawab dan motivasi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dapatkan menunjukkan bahawa jantina perempuan memiliki tanggungjawab yang tinggi berbanding lelaki.

Oleh yang demikian, dapatkan daripada kajian-kajian yang lepas mendapati kefahaman terhadap tanggungjawab profesion perguruan serta pengamalan nilai-nilai Islam dalam PdP masih berada di tahap yang sederhana dimana bebanan dalam menghadapi tekanan kerja yang tinggi hingga menyebabkan kurangnya rasa tanggungjawab dan motivasi dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mungkin merupakan salah satu faktor. Ditambah pula kajian yang berkaitan tanggungjawab pendidik Muslim terhadap pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran masih kurang dijalankan. Maka kajian yang dijalankan adalah untuk meninjau sebuahnya para pendidik muslim memahami tanggungjawab profesion perguruan dan juga sejauhmana mereka mengamalkan nilai-nilai islam dalam pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji tahap kefahaman terhadap tanggungjawab profesion perguruan dan pengamalan nilai-nilai Islam oleh pendidik muslim dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat, Selangor. Bagi mencapai tujuan kajian ini, terdapat beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu :

- 1) Mengenalpasti tahap kefahaman berkenaan tanggungjawab profesion perguruan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat;

- 2) Mengenalpasti tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat;
- 3) Mengenalpasti hubungan antara kefahaman berkenaan tanggungjawab profesi perguruan dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat; dan
- 4) Mengenalpasti perbezaan antara pengalaman mengajar dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang ditimbulkan penyelidik, berikut beberapa persoalan yang timbul:

- 1) Sejauh manakah tahap kefahaman berkenaan tanggungjawab profesi perguruan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat?;
- 2) Sejauh manakah tahap pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat?;
- 3) Apakah hubungan antara kefahaman berkenaan tanggungjawab profesi perguruan dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat?; dan
- 4) Adakah terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah:

- Ho1: Terdapat perhubungan antara kefahaman berkenaan tanggungjawab profesi perguruan dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat; dan
- Ho2: Terdapat perbezaan antara pengalaman mengajar dengan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan pendidik muslim di sekolah rendah di Daerah Hulu Langat.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi menjelaskan tahap kefahaman terhadap tanggungjawab profesi perguruan serta pengamalan nilai-nilai Islam guru muslim dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Kajian ini dapat memberi maklumat dan pendedahan kepada guru mengenai kepentingan tanggungjawab guru dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

1.8 Definisi Istilah

Pada bahagian ini memiliki dua boleh ubah kajian yang akan diuraikan iaitu kefahaman terhadap tanggungjawab profesion perguruan dan pengamalan nilai-nilai Islam oleh pendidik muslim dalam perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah.

1.8.1 Kefahaman Terhadap Tanggungjawab Profesion Perguruan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kefahaman ialah bermaksud keupayaan (kemampuan) memahami, faham tidaknya (seseorang) akan sesuatu yang dipelajari (dibaca dsb.). Manakala tanggungjawab ialah bermaksud sesuatu (seperti kerja, tugas) yang mesti dilakukan; kewajipan. Menurut kamus Dewan juga profesion adalah satu bidang pekerjaan khasnya yang memerlukan pendidikan dan kecekapan serta kemahiran yang tinggi dan latihan yang khas (contohnya, perundangan, perubatan, perguruan dan lain-lain). Oleh itu, sebelum seseorang itu diakui atau dilantik sebagai seorang guru, mereka haruslah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi melalui latihan dalam bidang perguruan untuk menjadi seorang guru yang bertauliah. Latihan yang dijalani ini adalah asas kepada profesion perguruan yang diceburi. Manakala perguruan diambil dari kata dasarnya iaitu guru. Menurut Kamus Dewan, guru bermaksud pengajar, pendidik atau pengasuh manakala keguruan pula berkaitan dengan guru dan peranan (tugas dan kelayakan) sebagai guru. Pada asasnya tugas utama guru di sekolah adalah untuk mengajar dan mendidik murid agar menjadi insan yang syumul selain memberikan ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.8.2 Tanggungjawab Pendidik Muslim

Menurut Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin (2012), definisi tanggung jawab pendidik muslim secara umum adalah “*warasat al-anbiya*”, yang pada hakikatnya menganjur kepada *rahmat li al-‘alamin*, yakni suatu matlamat yang mengajak manusia untuk tunduk dan patuh pada hukum-hukum Allah SWT, untuk memperoleh keselamatan dunia dan akhirat.

Tanggungjawab pendidik boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tanggungjawab akademik dan tanggungjawab bukan akademik. Pertama, tanggungjawab akademik terarah kepada tugas-tugas utama guru iaitu mengajar, memberi tugasan kepada para pelajar dan mengendalikan ujian serta peperiksaan. Kedua, tanggungjawab bukan akademik iaitu pengurusan pentadbiran, hal ehwal murid serta pengurusan kokurikulum.

1.8.3 Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran

Definisi Pengajaran menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) Perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan). Manakala pembelajaran pula adalah satu proses (kegiatan) belajar. Bagaimana sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip pendidikan dan etika yang telah ditetapkan. Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Tahap perlaksanaan pengajaran ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Panduan menilai tahap pengajaran ini adalah berpandukan dari Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang disediakan oleh Jemaah Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah dikeluarkan pada tahun 2003. Aspek –aspek yang diukur ini adalah dibawah kawalan guru sepenuhnya dalam pengajarannya.

1.8.4 Istilah nilai-nilai Islam dalam pendidikan


Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, nilai-nilai dalam falsafah Islam adalah sebagai satu cara hidup serta untuk menghayatinya. Nilai-nilai murni pula bermaksud sifat baik seperti hormat-menghormati dan beradab mulia sesama manusia. Secara dasarnya, Nilai diertikan sebagai satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk melihat, mengukur atau membuat pilihan terhadap sesuatu perkara, darjah, mutu,kualiti dan taraf perilaku seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai (Jabatan Penerangan Malaysia, 2014). Menurut Tajul Ariffin Noordin (1993), nilai-nilai murni boleh ditakrifkan sebagai kriteria atau ukuran dalam kehidupan seseorang bagi membentuk akhlak yang mulia manakala Hussin (1995) pula menyatakan nilai adalah idea tentang kepentingan, faedah, mutu dan kebernilaian tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat dan berlaku di dalam alam semesta ini. Seterusnya Majid (2012), menyatakan nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan.

Di dalam institusi pelajaran, nilai-nilai murni adalah penting untuk diterapkan di antara pendidik dan pelajar. Ini kerana penerapan nilai murni tersebut dapat mendidik pelajar untuk berdisiplin dan menghindari pelajar daripada terjebak dengan gejala sosial. Justeru itu, penerapan nilai-nilai murni di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pelengkap kepada semua nilai yang diajarkan dalam pendidikan agama khususnya agama Islam dan moral. (Jabatan Penerangan Malaysia,2014)

1.8.5 Sekolah Rendah Kebangsaan

Sekolah Rendah Kebangsaan merujuk kepada sekolah rendah kerajaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan mempunyai guru Muslim. Ia merupakan institusi pendidikan asas bagi kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun. Menurut Robiah (2003), sekolah adalah bangunan khas yang didirikan untuk menjalankan proses mengajar atau belajar secara formal. Dalam kajian ini, Sekolah Rendah Kebangsaan merujuk kepada sekolah Zon Bandar yang kesemuanya terdiri dari sekolah gred A. Kesemua sekolah rendah kebangsaan yang menjadi bahan kajian penyelidik adalah terletak di Daerah Hulu Langat.

1.9 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual

Rajah 1.1 menggambarkan model kerangka konseptual mengenai Kefahaman Terhadap Tanggungjawab Profesional Perguruan dan Pengamalan Nilai-Nilai Islam Dalam Kalangan Pendidik Muslim Di Sekolah Rendah Di Daerah Hulu Langat. Kerangka teori kajian ini adalah merupakan gambaran keseluruhan kajian yang akan dijalankan. Pembolehubah bersandar bagi kajian ini adalah tahap Kefahaman guru terhadap profesion perguruan dan tahap pengamalan nilai-nilai Islam. Manakala pembolehubah tidak bersandar kajian pula adalah faktor demografi yang terdiri daripada faktor jantina, umur, pengalaman mengajar dan tahap pendidikan. Berdasarkan kerangka teori yang digunakan, kajian yang dijalankan akan mengenalpasti sejauh mana faktor demografi memberi kesan kepada tahap kefahaman dan tahap pengamalan nilai-nilai Islam serta melihat sejauhmana terdapat perbezaan pengalaman mengajar dan pengamalan nilai-nilai Islam di kalangan guru sekolah rendah di Daerah Hulu Langat.

1.10 Limitasi Kajian

Kajian ini terhad kepada guru-guru di Sekolah Rendah Kebangsaan yang beragama Islam yang bersekolah di kawasan Daerah Hulu Langat. Data-data yang dikumpul adalah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada semua guru muslim di beberapa buah Sekolah Rendah Kebangsaan di Daerah Hulu Langat. Dapatkan yang diberikan oleh guru adalah bergantung kepada keikhlasan mereka semasa menjawab soal selidik yang dikemukakan. Kajian ini tidak melibatkan guru-guru di sekolah menengah.

1.11 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru-guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Zon Daerah Hulu Langat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tanggungjawab profesion perguruan pendidik Muslim terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti tanggungjawab pendidik Muslim terhadap pengamalan nilai-nilai Islam dalam pelaksanaan pengajaran di sekolah rendah kebangsaan Daerah Hulu Langat. Di samping itu, cadangan penambahbaikan juga dikemukakan supaya tesis ini dapat dijadikan panduan dan rujukan untuk meningkatkan rasa tanggungjawab yang tinggi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru. Kajian ini dapat pula dijalankan sebagai panduan dan rujukan kepada mereka yang terlibat dengan bidang pendidikan iaitu Kementerian Pelajaran, pihak pentadbir, semua lapisan guru dan pihak-pihak lain. Dengan adanya kajian ini, iaanya sedikit sebanyak membantu kita melihat dengan lebih jelas lagi senario yang berlaku di sekolah.

1.12 Rumusan

Kajian ini adalah mengenai pembentukan sahsiah diri dan peribadi mulia guru yang unggul serta bagaimana seseorang guru itu mengaplikasikannya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmanakah pengetahuan seseorang guru itu dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam pengajaran dan pembelajaran seiring dengan silibus yang diajar sebagai role model dan penyebar ilmu terhadap perkembangan potensi pelajar, disamping dapat memartabatkan lagi sahsiah dan etika profesion perguruan di masa akan datang.



RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Jawad Syed Bakar. (1983). *Falsafah Al-Tarbiyah al-Islamiyah Fi al-Hadis al-Syarif*.

Abdul Mujib, *Ilmu Pendidikan Islam*. (2010) (Vol. 3). Jakarta.

Abdullah Al Amin Al Na'miy (1994) *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun Dan Al Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka .

Ab. Halim Mohamad (2009). *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*

Abdul Halim Hj. Mat Diah (1983). *Pendidikan Islam di Malaysia; Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: ABIM.

Abdull Sukor Shaari, Abd. Rahim Romlee dan Mohamad Yazi Kerya (2006). *Beban tugas guru sekolah rendah. Seminar kebangsaan kepimpinan dan pengurusan sekolah*.

Abdul Rouf Dalip (1987). *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Menengah, Anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam*. Selangor: Bangi.

Abdul Rouf Dalip (1985) *Peranan Guru Agama dalam Pendidikan, Kursus Iktisas Guru-guru Agama Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Anjuran Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur.

Azhar Ahmad (2010). *Strategi pembelajaran Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak*. Kuching: Propes.

Ahmad Tafsir (1992). *Ilmu Pendidikan dalam Perspektif Islam*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

Ahmad Zabidi Abdul Razak & Fathiah Saini (2006). *Kepimpinan Pengajaran Daripada Perspektif Islam Ke Arah Pembentukan Komuniti Sekolah Yang Cemerlang*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Alyas Bin Mohamad (2006) *Guru Bermakna*. Kursus perkembangan staf Sek Keb Chukai, Kemaman, Terengganu.

Assegaf, Abd. Ranchman (2011). *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Rajawali Pers.

- Amla Mohd Salleh (2000). *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi* (Cet. 3). Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Baharuddin, Shahman (2012). *Analisis Kontrastif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu*. Universiti Malaya.
- Dr Ragbir Kaur Joginder Singh (PHD) (2012). Panduan Ilmu Pendidikan Untuk : DPLI Falsafah dan Etika ,Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Dr Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon (2015). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1996). *Pendidikan Di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faizah Abdul Majid (2011). Journal of US-China Education Review (Vol.8). No.10, ISSN1548-6613
- H. Isjoni, M.Si (2005). *Citra Guru Antara Tuntutan Dan Pengabdian*. Jakarta: Riau. Unri Press.
- Hamid Fahmy Zarkasyi (1990), *Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin. S. (1995). *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran & Pembelajaran, Bidang Pengajian Islam*.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2002). Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), Belajar Cara Belajar, Kuala Lumpur, Pusat Perkembangan Kurikulum
- Liew Siew Fong (2004). *Tekanan kerja guru-guru SJKC di zon Pudu, Kuala Lumpur*. Projek Penyelidikan bagi Sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Lim Bee Lan & June M.L. Poon (1997). *Kesan Efikasi Diri Terhadap Komitmen, Daya Usaha, Dan Prestasi Kerja Di Kalangan Guru Sekolah*. Jurnal pendidikan Jilid 18, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Lokman M. T., Mohd Anuar A. R., Yassin M. A. & Phoon Ai Ling (2010). *Teachers Perception Towards Head Teachers' Role As An Ict Leader In Primary Schools*. Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 25, 169–188, 2010

Majid L. Abdullah, N & Zakhi N.H (2012). *Penerapan nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia*. Jurnal Hadhari Special Edition (2012). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maszuria A. Ghani , Salina Omar, Marina H. A. Majid, Hjh Rosnah A. Rajak(2015). Guru & Cabaran Semasa. Siri Teks Profesional IPG

Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010). *Peranan Sekolah dan Guru Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan*. Laporan Penyelidikan Bahagian Pengajian Pendidikan universiti Utara malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

Mohd Yusof Ahmad (2002). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam* . Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mok Soon Sang (2013). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd

Mohd Kamal Hassan (1988). *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Nur Baizura Mahyidin (2006). *Faktor-faktor Yang Menggalakkan Penggunaan ABM di Kalangan Guru-guru Teknikal Dalam Pengajaran Seharian*. Fakulti Pendidikan,Universiti Teknologi Malaysia

Jabatan Penerangan Malaysia (2014). *Nilai Nilai Murni dan Budi Bahasa*. Diambil dari
http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/nilai_murni/files/assets/common/downloads/publication.pdf

Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan (2002). *Cabar Pendidikan Masa Kini*. Siri Penerbitan Fakulti Pendidikan.

Ramayulis (2011). *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia, Cet. ke-9, hlm 57

Ramayulis dan Samsul Nizar (2010). *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.

- Rahimah Hj Ahmad (2000). *Guru Dan Sekolah Pada Milenium Baru, Masalah Pendidikan*. Jilid 23, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Rosnani Hashim (1998). *Pengurusan Pendidikan Untuk Sekolah Daripada Perspektif Islam*. Prosiding Seminar Pendidikan Guru Untuk Sekolah Berkesan 62-63.
- Rosni Samah (2007). *Pendekatan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Agama*. Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke 4 2007. Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi.
- Rosni Samah (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. USIM: Bandar Baru Nilai.
- Sa'id Hawwa (1988), *Perspektif Pendidikan,Syarah Risalah Al-Ta'alim. Al Rahmaniah,Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia*.
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin & Suziana Hanini Sulaiman. *Konsep Penerapan Dan Penghayatan nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)*. Selangor: KUIS.
- Sidek Baba (2009). *Kasih Sayang, Berilmu, Teladan Ciri Utama Pendidik*.
- Syed Ismail, Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon (2013). *Guru dan Cabaran Semasa Edisi Kedua*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Shamsina (2012). *Guru Pendidikan Islam Dalam Jenis-Jenis Strategi Pembelajaran*. Artikel Pendidikan Islam. Diambil dari <http://shamsina-gurupendidikanislam.blogspot.com/2012/11/jenis-jenis-strategi-pembelajaran.html>
- Shahabuddin Hashim, et al. (2003). "Pedagogi, Strategi Dan Metod Mengajar Dengan Berkesan".
- Tajul Ariffin Nordin (1993). *Prespektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tajul Ariffin Nordin & Nor' Aini Dan (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia (Pendekatan Bersepadu)*. Selangor: As-syabab Media.
- Telaga Biru (2017). *Jalan Menuju Petunjuk Dari Imam Al-Ghazali*
- Telaga Biru (2016). Diambil dari <http://www.telagabiru.com.my/penulis/imam-al-ghazali>
- Uno, Hamza B. (2011). *Profesi Kependidikan: Problema, Solusi dan Reformasi Pendidikan di Indonesia*. Jakarta: Bumi Aksara.

Utusan Malaysia (2009, 14 Mei). *Komitmen Guru Tingkatkan Sistem Pendidikan*.

Wan Zah Wan Ali (1998). *Konsep Pengajaran Dan Pembelajaran Di Abad Ke 21 : Satu Perbincangan*. Masalah Pendidikan Jilid 21, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Wikipedia, (2017). Diambil dari https://ms.wikipedia.org/wiki/Abu_Hamid_al-Ghazali

Yang See Boon (2008). "Persepsi Guru Sains PPSM Terhadap Masalah Pelaksanaan Pengajaran Subjek Sains (PPSM) Di Sekolah Rendah Kawasan Skudai, Johor Bahru".

Yusuf Al-Qaradhawi (2002). *Fiqih Praktis Bagi Kehidupan Moden*. Jakarta: Gema Insani.

Zaharah Hussin (2005). *Mendidik Generasi Berakhhlak Mulia : Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam, Masalah Pendidikan 2005*. Universiti Malaya

Zainuddin (1991) *Seluk Beluk Pendidikan Dari Al-Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul fatah Shaharudin (2012). *Pendidikan menurut Al-Quran dan Sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zawawi Ahmad (1984). *Pendidikan Islam kaedah dan teknik pengajaran*. Petaling Jaya: international Book Service.

BIODATA PELAJAR



Nurlina bt Mohd Puad merupakan seorang anak kacukan Melayu Arab yang berasal daripada Melaka Negeri Bersejarah. Beliau merupakan anak kedua daripada lima orang adik beradik. Beliau dilahirkan pada 27 Disember 1979 di Kaherah, Mesir. Telah mendapat Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan kampung Gelam, Melaka dari tahun 1986 sehingga tamat Darjah 6 pada tahun 1991. Kemudian, beliau meneruskan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjong, Melaka dari tahun 1992 sehingga tahun 1996. Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau meneruskan pengajian ke tingkatan Enam di Sekolah Kebangsaan Seri Tanjong, Melaka dari tahun 1997 sehingga tahun 1998. Selepas tamat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), beliau ditawarkan ijazah Sarjana Muda di Universiti Sains Malaysia(USM), Pulau Pinang dalam bidang Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) pada tahun 1999 selama tiga tahun dan memperoleh kepujian pada tahun 2002. Selepas itu, beliau meneruskan pengajian dalam Diploma Pendidikan selama setahun setengah dalam Bidang Pengajian Inggeris dari tahun 2004 hingga tahun 2005 di Maktab Perguruan Melayu Melaka (MPPM) dan memperoleh Diploma Pendidikan pada tahun 2006. Sepanjang bergelar pelajar siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Ekologi Manusia, beliau juga merupakan seorang guru dan sedang berkhidmat menabur bakti di Sekolah Kebangsaan Taming Jaya, Balakong sehingga kini.

SENARAI PENERBITAN

Penerbitan

Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang, Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2018). *Etika dan Tanggungjawab Pendidik dalam Profesjon Perguruan dan Cabaran Pendidik Masa Kini*. Jurnal Al-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBNITT) volume 6, no. 2, December 2018 : 43-

Penulisan

Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang, Amini Amir Abdullah (2019). *Etika Pendidik Menurut Imam Al-Ghazali*.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KEFAHAMAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB PROFESION PERGURUAN DAN PENGAMALAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM KALANGAN PENDIDIK MUSLIM DI SEKOLAH RENDAH DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA

NAMA PELAJAR : NURLINA BINTI MOHD PUAD

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]